

08 JUL 2002

Mahathir-Tiba

MAHATHIR TIBA DI SARAWAK UNTUK LAWATAN RASMI SATU HARI

KUCHING, 8 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang tiba di sini pagi ini, diberi sambutan meriah dan penuh tradisi sempena lawatan rasminya selama sehari.

Ketibaan Dr Mahathir pada pukul 9.33 pagi disambut Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan timbalannya Tan Sri George Chan serta 8,000 orang daripada pelbagai peringkat umur dan organisasi bagi menunjukkan sokongan tidak berbelah bagi terhadap beliau.

Sejurus selepas tiba, Dr Mahathir diberi sambutan penuh tradisi dan dipersembahkan pelbagai tarian suku kaum di Sarawak.

Pagi ini, Dr Mahathir dijadual merasmikan perhimpunan agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) di Santubong, 35 km dari sini.

PBB merupakan parti tulang belakang Barisan Nasional (BN) negeri yang terdiri daripada Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Pada sebelah petang, Dr Mahathir akan merasmikan Bangunan Masja di Petra Jaya yang menempatkan pejabat kementerian-kementerian negeri dan beberapa syarikat komersil.

Dibina dengan kos RM50 juta, bangunan tersebut dimiliki Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri (LAKMNS) dan menjadi satu daya tarikan pelancongan di Sarawak berdasarkan keindahan landskap dan bangunan seakan-akan menyerupai Putrajaya.

Selepas perasmian bangunan itu, Dr Mahathir akan menyaksikan perjanjian "Refinery Austral Edible Oil" antara Austral Enterprise Sdn Bhd dan LAKMNS.

Pada sebelah malam, Perdana Menteri dan isteri akan menjadi tetamu kehormat pada majlis jamuan rakyat sebelum pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 10.30 malam.

-- BERNAMA

RDY LAT